

Headline	Kren runtuh Pampasan sedang diusahakan		
Media Title	Sinar Harian		
Date	10 May 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	279,000
Page No	9	Readership	837,000
Language	Malay	ArticleSize	191 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,258
Frequency	Daily	PR Value	RM 9,774



Kren runtuh: Pampasan sedang diusahakan

PASIR PUTEH - Lembaga Tabung Haji (TH) sentiasa berhubung dengan kerajaan Arab Saudi bagi mendapatkan wang pampasan untuk jemaah yang terkorban dan cedera dalam tragedi kren tumbang di Masjidil Haram, Makkah pada musim haji September tahun lepas.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki berkata, sehingga kini, kerajaan belum menerima sebarang perkembangan mengenai perkara itu.

"Kita harap waris dan mangsa terabit dapat bersabar kerana kerajaan sedang berusaha untuk mendapatkannya," katanya kepada pemberita



DR ASYRAF

selepas majlis penjelasan isu-isu semasa kepada lebih 100 guru di Pejabat Pendidikan Daerah Pasir Puteh, semalam.

Beliau berkata demikian semasa ditanya mengenai permintaan seorang waris mangsa di sini supaya pemberian pampasan itu disegerakan.

Sebelum ini, Raja Arab Saudi Raja Salman bin Abdulaziz Al Saud dilaporkan telah mengarahkan pembeorian wang pampasan kepada keluarga mangsa tragedi berkenaan sebanyak SR1 juta.

Wang itu akan diberikan kepada keluarga setiap mangsa terkorban dan cedera serta mengalami kecacatan kekal akibat insiden itu manakala mereka yang mengalami cedera ringan akan diberikan pampasan SR500,000.

Tragedi pada 11 September tahun lepas itu mengorbankan lebih 100 orang jemaah dari seluruh dunia termasuk tujuh dari Malaysia.

Asyraf Wajdi berkata, kerajaan tiada kuasa untuk men-

desak kerajaan Arab Saudi supaya mempercepat pembayaran pampasan itu namun, berharap waris mangsa dapat bersabar.

Mengenai fenomena El-Nino, Asyraf Wajdi yang juga Pengurus Biro Agama Badan Perhubungan Umno Kelantan berharap semua pihak termasuk individu, pertubuhan bukan kerajaan, masjid dan parti politik di Kelantan mengadakan solat hajat Istiqqa supaya Allah meruntunkan hujan.

Kelantan masih dilanda cuaca panas sejak lebih sebulan lepas yang menyebabkan sumber bekalan air untuk pertanian dan ternakan berkurangan. - Bernama